

19/02/1999

Pusat tidak pernah tindas Sabah: PM (HL)

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar

SANDAKAN, Khamis - Kerajaan Persekutuan tidak pernah berniat untuk menindas Sabah, sebaliknya ia mahu membawa pembangunan menyeluruh untuk rakyat negeri ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, peruntukan yang besar disediakan untuk Sabah dan pelaksanaan agenda pembangunan menjadi lebih lancar sejak Barisan Nasional (BN) mengambil alih teraju pemerintahan negeri.

Sehubungan itu, katanya, adalah penting kerajaan BN di Sabah dipertahankan bagi membolehkannya meneruskan perancangan pembangunan untuk rakyat dan negeri ini.

"Sabah diperintah BN, demikian juga Kerajaan Pusat terdiri daripada BN. Ini amat penting. Kita tidak malu menyatakan bahawa antara kerajaan Sabah dan Pusat, wujud kerjasama yang cukup kukuh dan erat," katanya.

Beliau berucap pada sambutan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina di Sekolah Menengah (SM) Yu Yuan yang dihadiri lebih 5,000 penduduk pelbagai kaum di sini hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam; serta pemimpin parti komponen BN.

Kehadiran Perdana Menteri dan ramai pemimpin Pusat di negeri ini sekarang mengukuhkan lagi andaian bahawa Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah akan dibubarkan dalam tempoh terdekat ini.

Malah, andaian terbaru ialah DUN Sabah akan dibubarkan Isnin ini bagi membolehkan pengundian pilihan raya negeri kesembilan diadakan pada 12 atau 13 Mac.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok dijangka berbincang mengenai pembubaran DUN dengan Dr Mahathir, yang berada di sini sehingga lusa.

Pembantu rapat Dompok ketika dihubungi berkata: "Tunggu Ketua Menteri akan memanggil sidang akhbar untuk mengumumkan pembubaran DUN".

Dompok sebelum ini berkata, tempoh Dewan Undangan Negeri sekarang berakhir pada 18 Mac ini.

Sementara itu, seorang menteri Pusat ketika ditemui berkata, kerajaan baru Sabah akan dibentuk sebelum 15 Mac ini tetapi beliau enggan mengulas lanjut.

Pegawai Pilihanraya Negeri, Abdul Hamid Ali ketika dihubungi berkata, pihaknya belum menerima sebarang notis rasmi daripada Speaker DUN, Datuk Hassan Alban Sandukong.

"Bagaimanapun tunggulah Isnin ini. Sekiranya Speaker menghantar notis mengenai pembubaran, saya akan memaklukkannya kepada Ibu Pejabat SPR di Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut," katanya.

Dr Mahathir yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Sabah berkata, keadaan negeri ini sejak BN memerintah jauh berubah berbanding ketika dalam pentadbiran pembangkang dahulu.

Menerusi BN juga, perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat pelbagai kaum dapat dipupuk, sekali gus mewujudkan suasana aman damai serta menghapuskan perasaan takut.

Menurutnya, kejayaan itu dicapai berikutan adanya muafakat dan persefahaman serta tiada sikap melampau seperti berlaku di sesetengah negara. Ia adalah hasil konsep BN yang memupuk amalan perkongsian kuasa.

Dalam konteks Sabah, kata Perdana Menteri, amalan perkongsian kuasa diamalkan menerusi sistem penggiliran jawatan ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum utama - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan

Cina.

Setiap Ketua Menteri yang dilantik, bukan menjadi Ketua Menteri bagi kaumnya saja, tetapi kepada semua kaum di negeri ini.

Perdana Menteri berkata, dasar BN yang sudah terbukti keberkesanannya itu perlu dipertahankan kerana matlamat akhirnya ialah memajukan rakyat dan negara.

"Kita bukan nak berlagak jadi Perdana Menteri, jadi Ketua Menteri ... nak sokong kerana kita adalah Yang Amat Berhormat ... tidak. Jawatan itu hanya untuk kita lebih berkesan dalam memberi khidmat kepada rakyat.

"Saya percaya kerajaan BN sampai bila-bila pun akan berkhidmat untuk rakyat dan negara," katanya, sambil menyatakan keyakinan bahawa hubungan baik Kerajaan Pusat dengan negeri akan membolehkan pembangunan negara lebih cepat dan menguntungkan rakyat.

(END)